



---

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





KHUTBAH JUMAAT SEMPENA HARI GURU 2023

# Guru Insani: Pemangkin Generasi Madani

12 Mei 2023 / 21 Syawal 1444H

(Kementerian Pendidikan Malaysia)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي رَفَعَ دَرَجَاتِ الْعُلَمَاءِ الْعَامِلِينَ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةَ الْحَقِّ وَالْيَقِينِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الصَّادِقُ الْأَمِينُ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى، وَتَعَلَّمُوا مِنَ الْعِلْمِ مَا تَعْرِفُونَ بِهِ رَبِّكُمْ،  
وَيَسْتَقِيمُ بِهِ دِينُكُمْ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا  
تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾ (سورة المجادلة)

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, marilah kita memberikan sepenuh tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Jangan berbual-bual, tidur dengan sengaja, bermain telefon bimbit dan menggerakkan tabung



kutipan Jumaat kerana ia bertentangan dengan sunnah serta adab. Mimbar pada hari akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Guru Insani Pemangkin Generasi Madani**” yang merupakan tema Hari Guru tahun 2023.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sesungguhnya Islam sangat mementingkan ilmu pengetahuan. Bahkan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** mengiktiraf kedudukan orang yang berilmu, sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Mujadalah ayat 11 yang telah dibacakan di awal khutbah yang bermaksud:

“...Nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Ayat tersebut jelas menunjukkan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** mengangkat tinggi nilai-nilai keilmuan dan yang berkaitan dengannya, termasuklah orang yang menyampaikan ilmu dan penuntut ilmu. Ini menunjukkan martabat guru sangat tinggi dan mulia selaras dengan ketinggian ilmu itu sendiri.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Guru berperanan sebagai duta rahmah yang sentiasa kreatif dan inovatif untuk mendepani gelombang transformasi pendidikan. Mereka bertanggungjawab melahirkan generasi muda yang patriotik, berilmu dan memiliki jati diri yang kukuh untuk mendepani kehidupan di dunia dan menggapai kebahagiaan di akhirat. Guru juga berperanan menyediakan pengajaran yang bermakna, membimbing dan mentarbiah anak bangsa



sehingga mencapai tujuan falsafah pendidikan dan karamah insaniah dengan melalui pembudayaan ilmu. Daripada Abu Umamah Al-Bahili, sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah dan Malaikat dan seluruh penduduk langit serta bumi sehinggakan semut di dalam sarang dan ikan di lautan turut mendoakan guru yang mengajar kebaikan kepada manusia.”

﴿Hadis Riwayah At-Tirmizi﴾

Kerjaya sebagai seorang guru merupakan pekerjaan yang mulia. Mereka bukan sahaja berilmu dan menyampaikan ilmu, malah mereka juga adalah muallim, mudarris, muaddib dan mursyid yang merujuk kepada peranan dan penglibatan guru terhadap usaha-usaha pembentukan akhlak dan kecemerlangan peribadi para pelajar.

Sedarlah siapapun kita pada hari ini, di mana pun kedudukan kita, semuanya adalah hasil daripada jasa dan pengorbanan guru. Justeru, wajarlah mereka dihargai bersesuaian dengan kedudukan dan kemuliaan guru yang telah diangkat dalam Islam.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sesuai dengan nilai dan makna pendidikan, maka hari ini, peranan guru adalah sangat besar dan mencabar untuk melahirkan pelajar yang cemerlang ilmu dan adab. Untuk itu guru perlu memberi komitmen yang terbaik sekaligus merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan “Anak Yang Baik Lagi Cerdik” (ABC) dan sekaligus mewujudkan suasana “murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.”



## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Adab dalam menuntut ilmu sangat dititik beratkan untuk mendapatkan keberkatan. Imam Malik رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ pernah berkata pada seorang Quraisy:

تَعَلَّمِ الْأَدَبَ قَبْلَ أَنْ تَتَعَلَّمَ الْعِلْمَ

Maksudnya: “Pelajarilah adab sebelum mempelajari suatu ilmu.”

Para sahabat Nabi sangat memuliakan guru mereka. Urwah Ibnu Mas’ud menceritakan bagaimana para sahabat Nabi amat menghormati guru mereka iaitu Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Menurut beliau:

وَإِذَا تَكَلَّمْتُمْ خَفُّوا أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَهُ، مَا يُحَدِّثُونَ إِلَيْهِ النَّظَرَ تَعْظِيمًا لَهُ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Para sahabat akan bercakap dengan suara yang rendah (sopan) ketika Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bertutur, serta tidak menajamkan pandangan mereka (merenung dengan tajam) kerana menghormati Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.”

Imam An-Nawawi berkata dalam kitab *Al-Majmuk*: “Seorang murid hendaklah melihat gurunya dengan pandangan hormat. Hendaklah dia meyakini keahlian gurunya berbanding yang lain. Yang demikian itu akan menjadikan seorang murid dapat mengambil banyak manfaat daripadanya dan dapat memberi kesan dalam hati terhadap apa yang didengari daripada guru tersebut.”



Justeru, jelaslah kepada kita bahawa adab ketika menuntut ilmu akan mewujudkan hubungan harmoni antara guru dan murid. Nilai ini sudah pasti dapat melahirkan generasi pelajar yang beretika dan bersahsiah tinggi bagi melahirkan insan cemerlang serta memenuhi keperluan semasa.

Antara cabaran yang terpaksa dihadapi seorang guru dewasa ini adalah hilangnya hormat dan adab murid pada seorang guru. Jika nilai hormat kepada guru kian pudar, kita bimbang hilangnya keberkatan dalam menuntut ilmu. Justeru sidang Jumaat sekalian, marilah kita saling berganding bahu membantu guru untuk memastikan anak-anak kita memiliki adab dalam menuntut ilmu. Daripada Ubadah bin As-Somit رَضِيَ اللهُ عَنْهُ , sabda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُجِلَّ كَبِيرَنَا وَيَعْرِفَ لِعَالِمِنَا

Maksudnya: “Bukanlah termasuk golongan kita orang yang tidak menyayangi yang muda, tidak menghormati yang tua dan tidak mengetahui kemuliaan ulama’ kita.” ﴿Hadis Riwayat Imam Ahmad﴾

## **SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI ALLAH,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar menyeru kepada seluruh umat Islam supaya memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Meyakini bahawa menuntut ilmu merupakan satu kewajipan ke atas setiap individu.

**Kedua:** Meyakini bahawa menghormati guru merupakan satu amalan yang mulia khususnya untuk memperolehi keberkatan dalam menuntut ilmu.

**Ketiga:** Memahami bahawa peranan melahirkan “ABC” (Anak Yang Baik Lagi Cerdik) adalah tanggungjawab bersama.

Firman Allah dalam surah Al-‘Ankabut ayat 69:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami. Sesungguhnya Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ  
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua Bulan Mei

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿٥٦﴾ [الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَّاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat*



menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٠٢﴾